

Memori **KORPORAT**

UITM DALAM SEJARAH

Penubuhan dan Perkembangan Institiut Teknologi MARA (ITM)

"Dalam perancangan awal penubuhan Institiut dalam tahun 1967, Institiut akan memainkan peranan bagi melengkapi tenaga Bumiputra dengan pengetahuan sains, teknikal dan profesional untuk membolehkan mereka mengambil bahagian dalam persaingan di dunia perniagaan dan perindustrian. Untuk melaksanakan tujuan ini, adalah dirancangkan supaya sebuah Institusi yang akan menelan belanja sebanyak RM 42,870,600.00 bagi membeli tapak, membina bangunan-bangunan dan melengkapi dengan peralatan yang cukup ditubuhkan.

Berdasarkan kepada memorandum Institiut tersebut, adalah menjadi hasrat Institusi yang baru ini, yang diberi nama **Institiut Teknologi MARA**, bagi mengeluarkan Bumiputra yang berkelayakan bukan sahaja dalam bidang Kesetiausahaan, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan dan Perangkaan, tetapi juga menghasilkan Teknologis-Teknologis, Ahli-Ahli Bank dan Eksekutif-Eksekutif Bumiputra untuk perkhidmatan pengurusan di negara ini.

Adalah menjadi matlamat dan hasrat Institiut dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan berakhir pada tahun 1980 untuk menambah, mempelbagai dan memperluaskan lagi program akademiknya untuk menampung keperluan pendidikan di semua pelajaran dengan tujuan utama untuk menambahkan lagi pengeluaran gunatenaga Bumiputra di dalam bidang Sains dan Teknologi. Untuk mencapai tujuan tersebut pihak Institiut sentiasa dari semasa ke semasa mengadakan perundingan dengan institusi-institusi pengajian tinggi luar dan dalam negeri untuk mendapatkan kerjasama mereka dari segi kurikulum dan pengiktirafan. Adalah diharapkan dengan perkembangan ini Institiut akan dapat memenuhi kehendak-kehendak negara dalam aspek pengeluaran gunatenaga yang diperlukan oleh sektor awam dan swasta"- Laporan Majlis



Sumber :
Laporan Tahunan 1977